

'Simpanan pencarum KWSP terlalu sedikit'

BH - 17/1/2023

m/s: 5

Kerajaan cari jalan, kaedah lain lebih berkesan bantu rakyat

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Kangar: Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, kerajaan perlu mempertimbangkan nasib dan masa depan pencarum sebelum membenarkan pengeluaran sekali lagi simpanan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Menegaskan lebih baik kerajaan mencari jalan dan kaedah lain lebih berkesan dalam membantu rakyat terjejas akibat hilang kerja sebelum ini, Perdana Menteri berkata, semakan mendapati simpanan KWSP golongan itu terlalu rendah yang boleh menyebabkan mereka berdepan lebih banyak masalah selepas ini.

"Kalau kita tengok orang yang ada simpanan KWSP ini, duitnya sedikit sekali. Jadi saya perlu timbang di antara keperluan mendesak dan masa depan mereka. Saya periksa jumlah (simpanan KWSP) yang majoriti pencarum ada, jumlahnya sangat kecil.

"Jadi, saya bimbang masa depan mereka, lebih baik kerajaan cari jalan lain untuk bantu mereka," katanya pada sidang media ketika hadir Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan dan Negeri Perlis di Dewan 2020, di sini semalam.

Langkah jangka pendek

Kelmarin, Pertubuhan Aktivis Rakyat Malaysia (ProRakyat) mengemukakan Resolusi Pencarum KWSP memohon kerajaan membenarkan pengeluaran simpanan KWSP antara RM10,000 hingga RM30,000 secara 'one-off' sebagai langkah jangka pendek memastikan rakyat tidak terputus wang tunai.

Terdahulu pada 11 Januari lalu, Pertubuhan Gagasan Inovasi Rakyat Malaysia (PGIRM) memeterai usaha sama dengan Peratuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM) bagi menyokong Tuntutan Pengeluaran KWSP 2.0 secara bersasar.

Sementara itu, Perdana Menteri mengulangi penegasan bahawa kerajaan tidak akan lagi membenarkan salah guna kuasa dan rasuah bagi mengelak pentadbiran menjadi lemah pada masa depan.

Katanya, selepas beliau keluar penjara pada 2018, banyak pihak bertanya kepadanya mengenai krisis penyelewengan dana 1Ma-

laysia Development Berhad (1MDB) dan isu kelemahan pentadbiran negara.

"Keliling dunia seperti Amerika Syarikat, Turki dan Arab Saudi bertanya saya mengenai krisis 1MDB. Bagaimana mungkin satu gejala rasuah skala besar boleh berlaku, apakah salah Perdana Menteri atau menteri yang tidak betul?"

"Seluruh sistem itu jadi lemah, malah lebih ramai menjadi pemikir yang lesu dan mengampu daripada yang berani ungkap pandangan," katanya menegaskan pentadbiran negara perlu punya tanggungjawab dalam memastikan tidak lagi berlaku ketirisan wang kerajaan melalui pelaksanaan projek tertentu.

Katanya, menghumban seorang atau dua ke dalam penjara sebenarnya belum lagi mampu menjadi pengajaran kepada pimpinan kerana daripada pemerhatiannya, dalam hampir setiap projek besar, wujud ketirisan atau komisen, rasuah itu berlaku dan kadangkala jumlahnya besar.

"Ini merunsingkan kita, saya bimbang amalan ini menjaral sampai ke bawah (pentadbiran)," katanya turut menegaskan, beliau tidak akan lagi mengumumkan sebarang projek tanpa melakukan penelitian rapi dan memerlukan persetujuan agensi Persekutuan, hanya kerana mahu mendapat sokongan ramai.

"Bukan amalan saya untuk me-

menangi hati rakyat dengan umum projek. Kita kalau mahu umum projek, perlu ada penelitian. Kena ada persetujuan agensi pusat supaya ia telus. Jika tidak, umum projek, tapi apa pun tidak berlaku.

"Berapa ratus projek di Perlis belum jalan lagi, terutama sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15. Saya tidak mahu teruskan amalan itu. Jika kita putuskan untuk dimuktamadkan, maka kita akan lakukan," katanya.

Tak campur urusan UMNO

Dalam perkembangan lain, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) merangkap Presiden PKR, berkata beliau enggan campur tangan dalam urusan UMNO, terutama polemik berhubung keputusan tidak mempertandingkan dua jawatan tertinggi bekas partinya itu.

"Saya sudah tinggalkan UMNO lama, sudah 30 tahun, tak ada kena mengena dengan UMNO lagi," katanya ketika diminta mengulas keputusan Perhimpunan Agung UMNO 2022 (PAU2022) Sabtu lalu meluluskan usul tambahan tiada pertandingan mem-babitkan jawatan presiden dan timbalan presiden.

Jawatan Presiden disandang Datuk Seri Dr Ahmad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), manakala timbalannya, Datuk Seri Mohamad Hasan, kedua-duanya berada dalam Kabinet diterajui Anwar.